



PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA
SOALAN LAZIM (FAQ) UNTUK INDUSTRI PENERBANGAN
(DIKEMAS KINI PADA 09 JULAI 2024)

No	Soalan	Maklumbalas
1.	Bagaimanakah e-Invois untuk penjualan tiket penerbangan dan/atau penyediaan perkhidmatan sewaan penerbangan persendirian harus dikeluarkan?	e-Invois perlu dikeluarkan untuk penjualan tiket penerbangan atau perkhidmatan sewaan penerbangan persendirian seperti berikut: a) Pengendali syarikat penerbangan tempatan: Semua tiket penerbangan dan perkhidmatan sewaan pesawat persendirian, tanpa mengira tempat jualan. b) Pengendali syarikat penerbangan asing: Tiket penerbangan dan perkhidmatan sewaan pesawat persendirian di mana tempat jualan adalah di Malaysia. <i>*Tempat atau lokasi jualan adalah seperti yang ditentukan oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA).</i> Sila rujuk Seksyen 2.3 dan 2.4 Garis Panduan e-Invois untuk panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois. Sila ambil perhatian bahawa pengeluaran e-Invois disatukan tidak dibenarkan untuk penjualan tiket penerbangan atau sewaan kapal terbang persendirian. Sila rujuk Seksyen 3.7 Garis Panduan Spesifik e-Invois.

No	Soalan	Maklumbalas
2.	Butiran siapakah yang perlu dimasukkan sebagai Pembeli bagi tujuan pengeluaran e-Invois untuk penjualan tiket penerbangan atau sewaan kapal terbang persendirian?	Bagi tujuan pengeluaran e-Invois untuk penjualan tiket penerbangan atau sewaan kapal terbang persendirian, butiran Pembeli adalah seperti berikut: a) Apabila individu membuat pembelian untuk perjalanan peribadi atau untuk individu lain yang merupakan penumpang, butiran Pembeli hendaklah menggambarkan orang yang membuat pembelian; atau b) Untuk pembelian berkumpulan (iaitu, melebihi satu tiket dalam satu tempahan), butiran Pembeli boleh menjadi salah satu daripada pilihan berikut, berdasarkan keputusan Penjual: i. Butiran orang yang membuat pembelian, untuk semua e-Invois individu; atau ii. Butiran setiap penumpang dalam tempahan, untuk e-Invois individu masing-masing.

No	Soalan	Maklumbalas
3.	Pada ketika ini, pengendali penerbangan tidak mengumpul maklumat peribadi daripada pembeli/ penumpang mereka, seperti Nombor Kad Pengenalan, Nombor Pengenalan Cukai (TIN), dsb., disebabkan oleh peraturan perlindungan data tertentu (cth., Peraturan Perlindungan Data Am Kesatuan Eropah, dsb.) . Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah butiran yang perlu disediakan oleh Pembeli?	LHDNM akur cabaran yang dihadapi untuk mendapatkan maklumat peribadi Pembeli dalam industri penerbangan disebabkan oleh peraturan perlindungan data tertentu. Oleh itu, LHDNM telah memberikan konsesi berikut kepada Penjual buat sementara waktu, dengan memasukkan maklumat berikut untuk Pembeli tiket penerbangan atau sewaan kapal terbang persendirian yang tidak memerlukan e-Invois: a) Nama Pembeli: Penjual dibenarkan untuk memasukkan "<i>General Public</i>" di dalam e-Invois; b) TIN Pembeli: Penjual dibenarkan untuk memasukkan "EI00000000020" di dalam e-Invois, tidak kira sama ada Pembeli warganegara atau bukan warganegara Malaysia; c) Nombor Pendaftaran Perniagaan Pembeli (BRN) (tidak kira sama ada Pembeli adalah individu atau perniagaan): Penjual dibenarkan untuk memasukkan "NA" di dalam e-Invois; dan d) Butiran Pembeli Lain (seperti Alamat, Nombor Telefon, Nombor Pendaftaran SST): Penjual dibenarkan untuk memasukkan "NA" di dalam e-Invois.

No	Soalan	Maklumbalas
4.	Pembelian bagasi tambahan mungkin diperlukan di kaunter semasa daftar masuk jika penumpang melebihi had bagasi. Bagi situasi ini, apakah layanan e-Invois untuk bayaran bagasi tambahan yang dikenakan kepada penumpang?	Jika bayaran bagasi tambahan dikenakan oleh pengendali syarikat penerbangan kepada penumpang, pengendali syarikat penerbangan bertanggungjawab untuk mengeluarkan: a) e-Invois (atas permintaan); atau b) resit (jika tiada e-Invois diminta) kepada penumpang untuk transaksi yang berlaku di kaunter. Sekiranya situasi adalah seperti di (ii), pengendali syarikat penerbangan dikehendaki menjumlahkan transaksi di mana e-Invois tidak dikeluarkan dan mengeluarkan e-Invois disatukan dalam tempoh tujuh (7) hari bulan berikutnya. Sila rujuk Seksyen 3.5 dan 3.6 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk rujukan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois.

No	Soalan	Maklumbalas
5.	Sekiranya berlaku perubahan harga pada tiket penerbangan (cth., kenaikan, pengurangan atau bayaran balik) disebabkan perubahan atau pembatalan penerbangan, apakah layanan e-Invois bagi kes sedemikian?	Pengendali syarikat penerbangan bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli: a) Jika harga baharu lebih tinggi daripada harga sebelumnya, e-Invois (sama ada invois atau nota debit, mana yang berkenaan) perlu dikeluarkan atas perbezaan amaun. b) Jika terdapat pengurangan harga berbanding harga sebelumnya, e-Invois (sama ada nota kredit atau nota bayaran balik, mana yang berkenaan) hendaklah dikeluarkan. Jika tiada perubahan harga disebabkan pembatalan atau perubahan penerbangan, tiada e-Invois tambahan perlu dikeluarkan. Pengendali syarikat penerbangan boleh mengeluarkan e-Invois dengan jumlah sifar mengikut amalan invois semasa. Sila rujuk Sekyen 2.3 dan 2.4 Garis Panduan e-Invois untuk rujukan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois.
6.	Apakah layanan e-Invois bagi penjualan sampingan berkaitan penerbangan (cth., pemilihan tempat duduk, bagasi, dsb.) dan bukan penerbangan (cth., insurans perjalanan, sewa kereta, hotel, dll.) oleh operator penerbangan, sama ada ia dibeli bersama tiket penerbangan atau sebagai item berasingan?	Layanan e-Invois adalah seperti berikut: Untuk penjualan sampingan berkaitan penerbangan: a) Jika tiket penerbangan dan item sampingan berkaitan penerbangan dijual bersama dalam satu transaksi, pengeluaran e-Invois boleh menjadi salah satu pilihan berikut, berdasarkan keutamaan pengendali syarikat penerbangan: i. Pengendali syarikat penerbangan boleh mengeluarkan e-Invois yang memperincikan kedua-dua tiket

No	Soalan	Maklumbalas
		penerbangan dan item sampingan berkaitan penerbangan; atau ii. Pengendali syarikat penerbangan boleh mengeluarkan e-Invois berasingan untuk tiket penerbangan dan item sampingan berkaitan penerbangan. b) Jika tiket penerbangan dan item sampingan berkaitan penerbangan dijual secara berasingan, pengendali penerbangan dikehendaki mengeluarkan: i. e-Invois untuk tiket penerbangan, tidak kira sama ada Pembeli memintanya; atau ii. e-Invois (atas permintaan Pembeli) / resit (jika Pembeli tidak meminta e-Invois) untuk item sampingan berkaitan penerbangan. Untuk item sampingan bukan penerbangan: Tanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bergantung pada hubungan kontrak antara pengendali penerbangan dan penyedia perkhidmatan. a) Apabila pengendali syarikat penerbangan bertindak sebagai prinsipal dalam penjualan item sampingan bukan penerbangan, pengendali syarikat penerbangan akan dikehendaki mengeluarkan e-Invois. i. Jika tiket penerbangan dan item sampingan bukan penerbangan dijual bersama dalam satu transaksi, pengendali syarikat penerbangan perlu mengeluarkan sama ada: • e-Invois yang memperincikan kedua-dua tiket penerbangan dan item sampingan bukan penerbangan; atau

No	Soalan	Maklumbalas
		• e-Invois berasingan untuk tiket penerbangan dan item sampingan bukan penerbangan. ii. Jika tiket penerbangan dan item sampingan bukan penerbangan dijual secara berasingan, pengendali syarikat penerbangan perlu mengeluarkan: • e-Invois untuk tiket penerbangan, tidak kira sama ada Pembeli memintanya; atau • e-Invois (atas permintaan Pembeli) / resit (jika Pembeli tidak meminta e-Invois) untuk item sampingan bukan penerbangan. b) Jika item sampingan bukan penerbangan dijual oleh pengendali penerbangan bagi pihak penyedia perkhidmatan (iaitu, hanya bertindak sebagai ejen), penyedia perkhidmatan bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois (atas permintaan Pembeli) / resit (jika Pembeli tidak meminta e-Invois) kepada Pembeli.